*Sejarah*: **Journal of History Department, University of Malaya;**
**No. 30 (2) 2021: 168-194; ISSN 1985-0611.**

# SURVEI DAN PEMETAAN PRODUK PELANCONGAN SEJARAH DAERAH KUALA MUDA, NEGERI KEDAH DARUL AMAN

## *SURVEY AND MAPPING OF HISTORICAL TOURISM PRODUCTS OF KUALA MUDA DISTRICT, KEDAH DARUL AMAN*

**Mohd Amin Ali***
**Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah, Malaysia**

**Mohd Hasfarisham Abd Halim****
**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia**

**Shyeh Sahibul Karamah Masnan*****
**Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia**

**Mokhtar Saidin******
**Pejabat Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia**

**Abstrak**
Sektor pelancongan sejarah daerah Kuala Muda mula diberi perhatian apabila Kompleks Arkeologi Sungai Batu telah diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan pada tahun 2012 dan kemudiannya sebagai tapak tamadun tertua di Asia Tenggara pada tahun 2016. Pengiktirafan ini membolehkan penelitian lebih proaktif dijalankan yang hasilnya telah memetakan 59 tapak warisan arkeologi tamadun awal dan 24 tapak sejarah di daerah Kuala Muda ini. Kajian ini umumnya dijalankan bagi memperlengkapkan data berkaitan lokasi tapak pelancongan ikonik dan sampingan bagi kategori sejarah di daerah ini yang membolehkan pembangunan pakej pelancongan dijalankan. Bagi mencapai tujuan tersebut, aktiviti survei dan pemetaan produk dijalankan sejak 2019 sehingga 2021 dengan menggunakan alatan seperti sistem penentukedudukan global (GPS), *google earth* dan perisian seperti coreldraw X7 (64 bit) bagi tujuan dokumentasi data yang dicerap. Hasil kajian membolehkan tujuh pakej pelancongan ikonik daerah seperti Pakej 1: Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda (PIPKM), Pakej 2: Puncak Jerai, Pakej 3: Rekreasi Air Terjun Kuala Muda, Pakej 4: Mineral Kuala Muda, Pakej 5: Kedah Tua, Pakej 6: Bakau Sungai Merbok dan Pakej 7: Galeri Tsunami dan Pasar Bisik diwujudkan bagi memperkasakan sektor pelancongan daerah Kuala Muda ini dengan Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda (PIPKM) telah dijadikan pusat sehenti pelancongan bagi daerah. Perkara ini secara jelas menunjukkan daerah Kuala Muda amat berpotensi dibangunkan secara mampan dalam sektor pelancongan sejarah negara bagi tujuan pengukuhan ekonomi setempat.

**Kata Kunci:** Survei, Pemetaan, Pelancongan Sejarah, Produk Pelancongan Ikonik, Sampingan dan Daerah Kuala Muda

***Abstract***
*The historical tourism sector of Kuala Muda district first received attention when the Sungai Batu Archaeological Complex was recognized as a National Heritage site since 2012 and later as the oldest civilization site in Southeast Asia since 2016. This recognition allows for more proactive research to be conducted which has mapped 59 archaeological sites and 24*

*historical sites in this district of Kuala Muda. This study is generally conducted to complete the data related to the location of iconic and byproduct for the historical tourist products in the district that allows the development of tourism packages to be carried out. To achieve this goal, survey and product mapping activities were conducted from 2019 to 2021 using tools such as global positioning system (GPS), google earth and software such as coreldraw X7 (64 bit) for the purpose of documentation of the observed data. The results of the study enable seven iconic tourism packages of the district such as Package 1: Kuala Muda Tourism Interpretation Center (PIPKM), Package 2: Puncak Jerai, Package 3: Kuala Muda Waterfall Recreation, Package 4: Kuala Muda Minerals, Package 5: Old Kedah, Package 6: Sungai Merbok Mangrove and Package 7: Tsunami Gallery and Pasar Bisik were established to strengthen the tourism sector in Kuala Muda district with the Kuala Muda Tourism Interpretation Center (PIPKM) being made a one-stop tourism center for the district. This clearly shows that the Kuala Muda district has great potential to be developed sustainably in the country's historical tourism sector for the purpose of strengthening the local economy.*

***Keywords:*** *Survey, Mapping, Historical Tourism,* Iconic Tourism Products, Addtional and District of Kuala Muda

## Pengenalan

Survei dan pemetaan produk pelancongan sejarah ini dijalankan di dalam daerah Kuala Muda yang berkeluasan sekitar 922.66 $km^2$. Ia terletak di bahagian barat laut negeri Kedah Darul Aman iaitu pada koordinat 5°34'59.99" U dan 100°22'59.99" T. Umumnya daerah ini yang mempunyai 16 mukim seperti Kuala, Bukit Meriam (terdapat Pulau Sayak), Merbok, Haji Kudong, Kota, Rantau Panjang, Pekula, Pinang Tunggal, Sidam Kiri, Telui Kiri, Simpor, Sungai Pasir, Sungai Petani, Bujang, Semeling dan Gurun[1] (Peta 1).

Peta 1: Mukim di daerah Kuala Muda




Sumber: *Profil Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Muda*, 2019.
Diperolehi daripada World Wide Web:
http://apps.water.gov.my/ipskomuniti/dokumen/kuala_Muda_LPD_Profil_Febuari_20_11.pdf

Daerah ini juga mempunyai landskap yang pelbagai yang terdiri daripada pulau, laut, pantai, bakau, sungai (Sungai Merbok, Sungai Muda dan cawangannya), dataran lembah, sawah padi, bukit, air terjun sehinggalah ke pergunungan puncak Jerai. Kepelbagaian panorama alam yang direkodkan di daerah Kuala Muda jelas memperlihatkan kemampuannya dibangunkan secara mampan sebagai produk pelancongan. Tambahan pula kajian akademik sejak 1980-an telah membuktikan kawasan ini mendedahkan produk pelancongan geoarkeologi (Kompleks Arkeologi Sungai Batu, Kompleks Percandian Pengkalan Bujang dan Kompleks Percandian Bukit Batu Pahat)[2] geologi (geotapak Jerai Geopark)[3] dan biologi (hutan pergunungan Jerai dan bakau Sungai Merbok)[4] yang mampu dibangunkan sebagai produk pelancongan identiti daerah. Namun begitu penulisan ini hanya membincangkan bukti tapak pelancongan sejarah yang telah dipetakan di daerah Kuala Muda bagi melihat kepentingannya terhadap industri pelancongan daerah secara khasnya.

## Kajian Pelancongan Daerah Kuala Muda

Kajian sektor pelancongan daerah Kuala Muda telah dijalankan[5] telah berupaya merekodkan data primer berkaitan persepsi masyarakat terhadap impak pelancongan di kawasan Lembah Bujang. Kajian tersebut turut mencerap beberapa lokasi tapak pelancongan yang sering dikunjungi pelancong bagi tujuan pengumpulan data kajiannya.

Kajian terdahulu berkaitan delema pembangunan sektor pelancongan bersejarah di Lembah Bujang turut diperbincangkan secara akademik.[6] Kajian tersebut telah berupaya memberikan data yang memperlihatkan kunjungan pelancong ke kawasan Lembah Bujang lebih cenderung untuk melakukan lawatan ke tapak candi, muzium, kota pelabuhan, menara jam dan makam berbanding tapak pelancongan sejarah selainnya.[7] Ini memperlihatkan kurangnya proses promosi tapak pelancongan selainnya yang ada di Lembah Bujang telah menyumbang kepada jumlah kunjungan pelancongan yang sedikit ke tapak pelancongan tersebut.

Selain itu kajian terdahulu di kawasan Lembah Bujang juga tertumpu kepada tapak pelancongan warisan telah berupaya merekodkan ketersediaan prasarana bagi memenuhi keperluan tersebut walaupun ianya masih perlu dipetingkatkan dengan lebih giat[8]. Namun begitu data tersebut turut membantu kepada pemerkasaan sektor pelancongan daerah Kuala Muda secara khasnya yang memerlukan penelitian lanjutan dijalankan bagi mengkompilasikan dengan lebih lengkap kemudahan prasarana berkenaan bagi menggamit kunjungan pelancong.

Sekurang-kurangnya terdapat beberapa kajian yang dijalankan dengan tumpuan diberikan terhadap pelancongan sejarah di daerah Kuala Muda. Namun begitu kebanyakkan kajian tersebut juga tidak merekodkan keseluruhan tapak pelancongan sejarah yang ada di daerah ini bagi tujuan pembangunan pelancongan domestik. Perkara ini memerlukan satu penelitian menyeluruh dan bersepadu bagi membolehkan kesemua lokasi tapak pelancongan sejarah dipetakan dan dipakejkan menjadi produk pelancongan yang berjaya.

## Tujuan dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan satu tujuan utama iaitu untuk menyelidiki dan mengenalpasti produk pelancongan sejarah di daerah Kuala Muda serta memberikan garis panduan yang holistik berkaitan pakej pelancongan yang terbaik untuk pembangunan pelancongan daerah. Hasil kajian yang dijalankan juga diyakini mampu untuk menyelaras dan menyatupadukan kesemua program pelancongan daerah di dalam satu pakej pelancongan yang dikawal selia dengan sistematik. Ini kerana sebelum kajian ini dijalankan statistik kunjungan pelancong hanya mampu dicerap di kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Perhutanan Hutan Pergunungan Jerai, Laman Arkeologi Sungai Batu, Galeri Titi Semeling dan Galeri Tsunami Kuala Muda sahaja. Tapak pelancongan selainnya jika ada kunjungan pelancong datanya tidak dapat dicerap dengan baik disebabkan tiada pantauan yang dijalankan oleh pihak berkaitan. Oleh yang demikian hasil survei dan pemetaan ini dijangka mampu memperlengkapkan data pelancongan sedia ada daerah (Peta 2) yang membolehkan pakej pelancongan yang menyeluruh ditawarkan kepada pelancongan dengan sistem pengurusan yang cekap.

Peta 2: Klasifikasi jenis pelancongan kecuali pelancongan sejarah di daerah Kuala Muda




Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

## Kaedah Kajian

Bagi tujuan cerapan data primer di lapangan, survei ini telah menggunakan beberapa peta asas seperti (i) peta topografi, (ii) peta lokasi tapak pelancongan sedia ada oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani, (iii) peta jaringan jalan raya daerah Sungai Petani dan (iv) sistem jaringan sungai

bagi tujuan memaksimumkan cerapan data dilakukan. Ini kerana peta topografi telah mendedahkan maklumat geomorfologi terkini daerah Kuala Muda manakala peta lokasi tapak pelancongan mendedahkan maklumat lokasi tapak pelancongan sedia ada di daerah Kuala Muda. Rujukan yang dijalankan ke atas peta jalan raya dan sistem jaringan sungai adalah bertujuan untuk melihat lokasi tapak pelancongan yang bakal dicerap berdekatan atau tidak dengan infrastruktur sedia ada.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi menerusi kajian peta berkenaan, maka sebanyak 16 buah mukim di kawasan Kuala Muda yang mempunyai produk pelancongan sejarah telah dijalankan tinjauan. Alatan yang digunakan semasa aktiviti survei dan pemetaan berlangsung adalah sistem penentukedudukan global (GPS) untuk mencatatkan data koordinat tapak pelancongan berkenaan. Selepas itu data koordinat daripada GPS akan dibandingkan dengan lokasi sebenar tapak berkenaan di dalam perisian *google earth* bagi mengesan keralatan yang berlaku. Akhirnya data survei yang telah diplotkan di dalam perisian *google earth* berkenaan akan dilakarkan ke atas bentuk peta dengan bantuan perisian *Coreldraw X7* (64 bit) bagi memperlengkapkan dapatan kajian ini.

## Produk Pelancongan Ikonik Daerah Kuala Muda

Survei dan pemetaan terkini daerah Kuala Muda telah memetakan sejumlah 59 buah tapak (Jadual 1) warisan arkeologi tamadun awal di tiga buah kompleks arkeologi yang masih *in-situ.* Hasil kajian tersebut membolehkan bukti arkeologi di Kompleks Arkeologi Sungai Batu (Peta 3) yang mewakili keberlangsungan kerajaan Kedah Tua diangkat sebagai produk pelancongan ikonik daerah.

Jadual 1: Tapak warisan arkeologi kategori sejarah di daerah Kuala Muda

| NO. | TAPAK | KEISTIMEWAAN |
|---|---|---|
| **A** | **Kompleks Percandian Pengkalan Bujang** | |
| 1 | 19 | 1. Candi Hindu<br>2. Abad ke 11-13 Masihi<br>3. Vimana-Mandapa daripada bata[9] |
| 2 | 21 | 1. Candi Buddha<br>2. Abad ke 9-10 Masihi<br>3. Seni bina berbentuk salib [10] |
| 3 | 22 | 1.Candi Buddha Mahayana berpengaruh ajaran Tantrik<br>2. Abad ke 9 Masihi<br>3. Vimana-Mandapa daripada bata[11] |
| 4 | 23 | 1. Candi Hindu<br>2. Abad ke 12 Masihi<br>3. Vimana-Mandapa daripada bata[12] |
| **B** | **Kompleks Percandian Bukit Batu Pahat** | |
| 5 | 8 | 1. Candi Tantrik agama Hindu<br>2. Abad ke 7-8 Masihi<br>3. Vimana-Mandapa daripada bata[13] |
| 6 | 16 (Asalan di Kampung Pendiat) | 1. Candi Hindu<br>2. Abad ke 11 Masihi<br>3. Vimana-Mandapa daripada bata[14] |
| 7 | 21 (Asalan di kampung Pengkalan Bujang) | 1. Candi Buddha<br>2.Abad ke 9-10 Masihi<br>3.Seni bina berbentuk salib[15] |
| 8 | 50 (Asalan di Kampung Bendang Dalam) | 1. Candi Hindu<br>2. Abad ke 12-13 Masihi<br>3. Vimana-Mandapa daripada bata[16] |

Sambungan Jadual 1

| C | Kompleks Arkeologi Sungai Batu | |
|---|---|---|
| 9 | SB1A | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad ke 3 Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[17] |
| 10 | SB1B | 1.Fahaman Aminisme dan Candi Buddha<br>2. Abad ke 2 Masihi<br>3. Struktur bulatan di dasar, segi empat di tengah dan bulatan kecil di atas[18] |
| 11 | SB1C | 1. Bangunan sokongan tapak SB1B<br>2. Abad ke 3 Masihi<br>3.Runtuhan seni bina bangunan daripada bata[19] |
| 12 | SB1D | 1. Bangunan sokongan tapak SB1B<br>2. Abad pertama Sebelum Masihi<br>3.Runtuhan seni bina bangunan daripada bata[20] |
| 13 | SB1E | 1. Bangunan sokongan tapak SB1B<br>2. Abad ke 3 Masihi<br>3.Runtuhan seni bina bangunan daripada bata[21] |
| 14 | SB1F | 1. Bangunan sokongan tapak SB1B<br>2. Abad ke 12-13 Masihi<br>3.Runtuhan seni bina bangunan daripada bata[22] |
| 15 | SB1G | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad ke 4-18 Masihi<br>3.Menemui dasar relau, tuyure, bijih besi, jongkong besi dan sisa besi[23] |
| 16 | SB1H | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad pertama Sebelum Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[24] |
| 17 | SB1J | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad pertama Sebelum Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[25] |
| 18 | SB1K | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad pertama Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[26] |
| 19 | SB1L | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad Ke 4 Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[27] |
| 20 | SB1M | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad pertama Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[28] |
| 21 | SB1N | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad pertama Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[29] |
| 22 | SB1P | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 2 Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[30] |
| 23 | SB1Q | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad pertama Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[31] |
| 24 | SB1R | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 5 Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[32] |
| 25 | SB1S | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 5 Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[33] |
| 26 | SB1T | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 2 Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[34] |
| 27 | SB1U | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 2 Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[35] |
| 28 | SB1V | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 3 Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[36] |
| 29 | SB1W | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 7 Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[37] |
| 30 | SB1X | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 2 Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[38] |

Sambungan Jadual 1

| | | |
|---|---|---|
| 31 | SB1Y | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad Ke 3 Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[39] |
| 32 | SB1Z | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad ? (Masih dalam kajian)<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[40] |
| 33 | SB1ZZ | 1. Bangunan sokongan tapak SB1B<br>2. Abad ? (Masih dalam kajian)<br>3.Runtuhan seni bina bangunan daripada bata[41] |
| 34 | SB1ZY | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad ke 4 Sebelum Masihi<br>3.Menemui dasar relau, tuyure, bijih besi, jongkong besi dan sisa besi[42] |
| 35 | SB1ZX | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad ? (Masih dalam kajian)<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[43] |
| 36 | SB1ZT | 1. Struktur syahbandar?<br>2. Abad ? (Masih dalam kajian)<br>3. Seni bina berada di pinggir sungai[44] |
| 37 | SB2A | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad pertama Masihi<br>3.Menemui dasar relau, tuyure, bijih besi, jongkong besi dan sisa besi[45] |
| 38 | SB2B | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad Ke 4 Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[46] |
| 39 | SB2C | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad ke 8 Masihi<br>3.Menemui dasar relau, tuyure, bijih besi, jongkong besi dan sisa besi[47] |
| 40 | SB2D | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad Ke 6 Sebelum Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[48] |
| 41 | SB2E | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad Ke 3 Sebelum Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[49] |
| 42 | SB2F | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad pertama Sebelum Masihi<br>3.Menemui dasar relau, tuyure, bijih besi, jongkong besi dan sisa besi[50] |
| 43 | SB2G | 1. Struktur syahbandar<br>2. Abad Ke 5 Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[51] |
| 44 | SB2H | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke 8 Sebelum Masihi<br>3.Menemui dasar relau, tuyure, bijih besi, jongkong besi dan sisa besi[52] |
| 45 | SB2J | 1. Struktur pelabuhan<br>2. Abad Ke 4 Masihi<br>3. Seni bina terarah dan mencerun ke arah sungai[53] |
| 46 | SB2K | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke 4 Masihi<br>3.Menemui tuyure, bijih besi, jongkong besi, sisa besi, cengkerang dan tulang haiwan[54] |
| 47 | SB2L | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke 5 Masihi<br>3.Menemui tuyure, bijih besi, jongkong besi, sisa besi dan cengkerang[55] |
| 48 | SB2M | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke 3 Masihi<br>3.Menemui tuyure, bijih besi dan sisa besi[56] |
| 49 | SB2N | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke 3 Masihi<br>3.Menemui tuyure, bijih besi dan sisa besi[57] |
| 50 | SB2P | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke 3 Masihi<br>3.Menemui tuyure, bijih besi dan sisa besi[58] |
| 51 | SB2Q | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke ? (dalam proses kajian)<br>3.Menemui tuyure, bijih besi dan sisa besi[59] |

Sambungan Jadual 1

| | | |
|---|---|---|
| 52 | SB2R | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Abad Ke ? (dalam proses kajian)<br>3.Menemui sisa besi[60] |
| 53 | SB2T | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Kurun Ke ? (dalam proses kajian)<br>3.Menemui bijih besi dan sisa besi[61] |
| 54 | SB2Y | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Kurun Ke ? (dalam proses kajian)<br>3. Menemui sisa besi, pecahan *tuyere,* dan pecahan bata[62] |
| 55 | SB2ZZ | 1. Struktur syahbandar<br>2. Kurun Ke 2 Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[63] |
| 56 | SB2ZY | 1. Struktur syahbandar<br>2. Kurun Ke 5 Sebelum Masihi<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[64] |
| 57 | SB2ZX | 1. Struktur syahbandar<br>2. Kurun Ke ? Masihi (dalam proses kajian)<br>3. Struktur bilik-bilik kecil dan dibina secara mendatar[65] |
| 58 | SB2ZV | 1. Bengkel peleburan besi<br>2. Kurun Ke ? (dalam proses kajian)<br>3. Menemui sisa besi, bijih besi, pecahan *tuyere,* dan pecahan bata[66] |

Peta 3: Kompleks Arkeologi Sungai Batu yang terletak di dalam daerah Kuala Muda yang telah terlibat dalam industri besi dunia sejak 788 Sebelum Masihi




Sumber: Mohd Hasfarisham, *Sumbangan Kajian Di Tapak SB1Y, SB2G, SB2J dan SB2ZZ Kepada Bukti Seni Bina Pelabuhan Di Kompleks Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah*. Tesis Kedoktoran. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tidak Diterbitkan, 2019.

Hasil ekskavasi terhadap 11 struktur jeti, 17 syahbandar, 17 bengkel peleburan besi dan enam tapak ritual membolehkan penentuan pentarikhannya dilakukan. Beberapa sampel pentarikhan *in-situ* daripada bata (struktur monumen) dan arang (bengkel peleburan besi) telah diambil dan dihantar ke *Korea Basic Sains Lab* dan *Florida Beta Lab* bagi penentuan usia mutlak. Hasil pentarikhan telah membuktikan industri peleburan besi di Kompleks Arkeologi Sungai Batu telah bermula sejak 788 Sebelum Masihi. Setelah industri tersebut berkembang maka struktur jeti mula dibina sejak 582 Sebelum Masihi dan selepas itu monumen syahbandar didirikan sejak 487 Sebelum Masihi.[67] Menjelang kurun kedua Masihi barulah monumen ritual mula didirikan bagi tujuan menifestasikan kepercayaan masyarakat di kawasan ini. Berdasarkan pentarikhan tersebut jelas mendedahkan tamadun Kedah Tua merupakan antara tamadun terawal wujud di Asia Tenggara (Rajah 1) yang mengasaskan ekonomi lebur besi yang diperdagangkan dengan kerajaan luar.

Rajah 1: Kronologi kewujudan Kedah Tua dalam tamadun awal dunia




Sumber: Wai Andah, B., West Africa Before The Seventh Century. DALAM: Mokhtar, G. (ed). *General History Of Africa II, Ancient Civilizations Of Africa.* Heinemann, California, UNESCO, International Scientific Committee For The Drafting Of A General History Of Africa, University Of California Press, 1981, Houston, D.S., *Function and Meaning In Classic Maya Architecture*. Dumbarton Oaks Research Library and Collection, Washington, D.C., 1998, Munoz, P.M., *Early Kingdoms Of The Indonesian Archipelago and The Malay Peninsula*. Didier Millet, Singapore, 2006, Dashu Qin et Kunpeng Xiang, Sri Vijaya As The Enterport For Circum-Indian Ocean Trade, Evidence From Dukumentary Records and Materials From Shipwrecks Of The 9$^{th}$-10$^{th}$ Century. *Etudes Ocean Indian*, Vol. 46/47, 2011 dan Mokhtar Saidin, Kedah Tua Kingdom: New Evidence From Sungai Batu Complex. Kertas Kerja Yang Dibentangkan Di *Kedah Tua International Conference*. Park Avenue Hotel, Sungai Petani, Kedah, Malaysia, 21-22 May 2016, 2016.

Tambahan pula kajian akademik di peringkat dunia sehingga kini masih belum berupaya membuktikan wujudnya satu industri peleburan besi, struktur jeti, syahbandar dan ritual dibina dalam satu kawasan yang sama yang menggambarkan ia sebagai sebuah kompleks industri dan perdagangan. Bukti ilmiah tersebut turut diperkukuhkan dengan catatan rekod pelayaran dan perdagangan awal terutama daripada puisi *Pattinappalai* (kurun kedua Sebelum masihi-kedua Masihi) yang merekodkan panggilan Kedah Tua dengan nama Kazhagam yang membawa maksud besi. [68] Malah catatan epik tamil *Parunkahtai* (kurun 10 Masihi) mengesahkan berlakunya proses perdagangan besi daripada Kataram untuk dijadikan kereta kuda. Al-Kindi dan al-Biruni dalam catatannya juga mengesahkan besi terbaik dunia pada kurun pertama Masihi berasal daripada tiga tempat iaitu Yamen, Hindi dan Kalah (Kedah Tua) yang mengukuhkan kualiti produk besi Kedah Tua. [69] I-Ching pula merekodkan dalam catatannya bahawa produk besi dari Che-cha (Kedah Tua) bersaiz tiga jari ditukarkan dengan lima biji kelapa di Kepulauan Nicobar.[70] Malah panggilan Kataha kepada Kedah Tua yang merupakan bahasa perantaraan Asia Tenggara pada masa tersebut juga membawa maksud mangkuk besi[71] juga bukti nyata kepentingan industri besi Kedah Tua ini kepada dunia yang membolehkan ia diangkat sebagai produk pelancongan ikonik daerah Kuala Muda.

## Produk Pelancongan Sampingan Daerah Kuala Muda

Setelah kajian akademik membuktikan daerah Kuala Muda mempunyai lokasi pelancongan bertaraf dunia di tiga kompleks arkeologi, maka kajian tersebut diteruskan lagi dengan proses survei dan pemetaan produk pelancongan sampingan bagi kategori sejarah yang turut ada di daerah ini. Maka aktiviti survei dan pemetaan yang dijalankan menggunakan alatan GPS telah berupaya merekodkan sejumlah 24 tapak pelancongan sampingan yang bertaburan di 16 mukim di daerah ini. Antara tapak pelancongan sejarah yang telah dipetakan termasuklah dalam kategori menara, jambatan, masjid lama, kubu British, makam, kubur bersejarah, terusan, istana, batu sempadan tanah, jambatan keretapi lama, kota pelabuhan, bangunan kolonial dan tapak arkeologi. Jadual 2 menerangkan keistimewaan dan keunikan tapak berkenaan setelah survei dan pemetaan dijalankan daripada segi nilai sejarahnya yang membolehkan ia dijadikan produk pelancongan sampingan daerah Kuala Muda.

Jadual 2: Klasifikasi keistimewaan produk pelancongan sampingan kategori sejarah yang telah dipetakan di daerah Kuala Muda

| NO. | PRODUK | LOKASI | NILAI SEJARAH | PLET |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Menara Jam Besar | 05°38'35" Utara dan 100°29'20" Timur. Jalan Ibrahim, bandar Sungai Petani | Menara ini dibina oleh Lim Lean Thing pada tahun 1934 dan berketinggian 121 kaki. Pembinaan menara ini adalah untuk dijadikan hadiah kepada penduduk Sungai Petani sempena memperingati King George ke-V |  |
| 2 | Menara Azan Padang Tok Syeikh | 05°47'43" Utara dan 100°26'18" Timur di atas Gunung Jerai | Menara azan ini dibina pada tahun 1136 Masihi dan dijadikan masjid setelah pengislaman Sultan Muzaffar Shah |  |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | Jambatan Merdeka | 5°33'51" Utara dan 100°25'40" Timur. Di Sungai Muda, | Jambatan ini dibina oleh pihak British bagi memudahkan laluan perhubungan merentasi Sungai Muda. Namun begitu ia dimusnahkan oleh pihak British semasa | |

Sambungan Jadual 2

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | sempadan Kedah dan Pulau Pinang | kemaraan tentera Jepun ke Malaya dan membinanya semula selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945 |  |
| 4 | Masjid lama Pengkalan Kakap | 05°42'27" Utara dan 100°23'39" Timur di Kampung Pasir, Merbok | Masjid ini merupakan salah satu daripada 12 masjid tertua di Semenanjung Malaysia yang dibina pada tahun 1808 Masihi. |  |
| 5 | Kubu Britsh Sungai Layar | 5°40'18" Utara dan 100°27'56" Timur di Sungai Layar | Kubu British ini dibina bagi menghadapi perang dunia kedua (1941-1945) yang tujuan utama pembinaannya adalah untuk mengawal sungai Merbok dan Sungai Muda daripada dicerobohi musuh |  |
| 6 | Kubu British Bukit Penjara | 05°40.105' Utara dan 100°22.266' Timur Pantai Merdeka | |  |
| 7 | Kubu British Sungai Muda | 5°33'44" Utara dan 100°25'40" Timur di tebing Sungai Muda | |  |
| 8 | Kompleks Kubu British Pulau Tiga | 5°41'03" Utara dan 100°29'09" Timur kampong Pulau Tiga | |  |
| 9 | Makam Sultan Muzaffar Shah 1 | 05°41'09" Utara dan 100°26'51" Timur, Kampung Langgar, di mukim Bujang | Makan Sultan Kedah pertama memeluk Islam iaitu Sultan Muzaffar Shah yang mangkat pada tahun 1179 Masihi. Mendedahkan bentuk nesan berbentuk lapan berbahu empat yang dikenali sebagai batu nesan Aceh |  |
| 10 | Makam Daeng Parani | 5°39'33.4" Utara dan 100°20'02.7" Timur di Kampung Ekor Lubuk | Makam parajurit yang dikenali dengan nama parajurit agung sastra johon pahlawan kerana peranan aktif yang dimainkan olehnya ke atas institusi beraja di Semenanjung Malaysia |  |
| 11 | Makam Tunku Haidar | 5°39'34.0" Utara dan 100°20'02.5" | Makam anak pemerintah Kedah yang bernama Tunku Haidar Ali Syah Ibni Tuanku Diauddin Ibni Sultan Zainol Rashid yang mangkat pada tahun 1915 Masihi | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Timur di Pulau Sayak | |  |

Sambungan Jadual 2

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 12 | Makam Kampung Bukit Berangan | 5°37’10” Utara dan 100°21’54” Timur di Kampung Bukit Berangan | Berkemungkinan kawasan pemakaman diraja yang memerintah Kota Bukit Meriam. Batu nesan yang digunakan di kawasan pemakaman ini adalah daripada jenis batu kawi |  |
| 13 | Kubur Bersejarah Kampung Tok Soh | 5°33’42” Utara dan 100°30’36” Timur di Kampung Seberang Tok Soh | Berkemungkinan kubur ini milik seorang pembesar Kedah atau orang kenamaan dan batu nesan yang digunakan di kuburan ini adalah daripada jenis batu nesan Aceh A1 |  |
| 14 | Terusan Wan Mat Saman | 05°50’35” Utara dan 100°28’00” Timur di kaki Gunung Jerai | Terusan ini dibina pada 13 Ogos 1985 dan siap dibina 12 Julai 1986 oleh penduduk tempatan. Terusan ini dibina dengan panjang sekitar 36 kilometer dengan kedalaman 1.5 meter |  |
| 15 | Bangunan Bersejarah Pekan Semeling | 5°42’08” Utara dan 100°28’19” Timur di Semeling | Proses urbanisasi ini dirancang bagi mengimbangi pengeluaran hasil bumi di kawasan ini oleh pihak British pada kurun ke-18-19 Masihi |  |
| 16 | Tapak Istana Lubuk Pusing | 5°37’45” Utara dan 100°24’30” Timur di Teluk Bayu | Terletak di tebing Sungai Merbok di Teluk Bayu dan dibina bagi tujuan perkahwinan diraja diantara D.Y.M.M. Tuanku Sultan Abdul Hamid Halim Shah dengan Y.M. Sharifah Seha binti Syed Hussein Shahabuddin |  |
| 17 | Tapak Istana Pulau Tiga | 5°41’07” Utara dan 100°29’12” Timur di Kampung Pulau Tiga | Dibina pada tahun 1820 dan siap dibina pada 1821 iaitu pada masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II sebagai persiapan menghadapi serangan daripada pihak Siam |  |
| 18 | Batu Sempadan Tanah Pinang Tunggal | 5°33’05” Utara dan 100°31’43” Timur di Kampung Bukit Sementol | Batu sempadan tanah yang dibina sebagai pemisah negeri Kedah dan Pulau Pinang yang pada masa tersebut dikuasai oleh British dan Siam |  |
| 19 | Jambatan Kereta Api lama Pinang Tunggal | 5°34’02” Utara dan 100°30’15” Timur di kawasan mukim Pinang Tunggal | Pembinaan jambatan kereta api ini lebih bermotifkan perkembangan ekonomi perlombongan di daerah ini pada kurun ke-18 Masihi |  |
| 20 | Kota Kuala Muda | 05°35’12” Utara dan 100°22’32” Timur di muara Sungai Muda | Merupakan pusat perdagangan utama Kedah sejak kurun ke-18 Masihi apabila barang dagangan seperti bijih timah dari Kedah, Perak dan negeri selainnya | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | terpaksa melalui kawasan ini terlebih dahulu |  |
| 21 | Bangunan Kolonial | 5°38'32" Utara dan 100°29'19" Timur di Jalan | Proses urbanisasi ini dirancang bagi mengimbangi pengeluaran hasil bumi di kawasan ini oleh pihak British pada kurun ke 18-19 Masihi | |

Sambungan Jadual 2

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Ibrahim, bandar Sungai Petani | |  |
| 22 | Tapak Arkeologi Kampung Gading | 5°49'40" Utara dan 100°37'14" Timur di Kampung Gading | Bukti keberlangsungan industri besi di sepanjang Sungai Muda oleh kerajaan Kedah Tua. Bukti berkenaan membolehkan cadangan berkaitan keluasan pengaruh kerajaan Kedah Tua dicadang melebihi 1000 kilometer persegi |  |
| 23 | Tapak Arkeologi Kampung Sungai Perahu | 5°47.648' Utara dan 100°37.910 Timur di Kampung Sungai Perahu | |  |
| 24 | Candi Permatang Pasir | 05°34.453' Utara dan 100°24.954' Timur di Kampung Permatang Pasir | Merupakan struktur monumen bersegi empat yang dicadang fungsinya sebagai Vimana-Mandapa yang digunakan sejak kurun ke-10 Masihi |  |

(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global)

Peta 4 merupakan lokasi tapak pelancongan sampingan bagi kategori sejarah yang telah dipetakan di daerah Kuala Muda. Oleh kerana nilai sejarah yang didedahkan oleh setiap tapak pelancongan tersebut maka ia boleh dijadikan pakej pelancongan yang digabungkan dengan kombinasi tapak pelancongan selainnya di daerah ini. Perkara ini berupaya membangunkan sektor pelancongan di daerah Kuala Muda dengan lebih berkesan berikutan adanya penawaran pakej pelancongan yang bersepadu dan terkini.

Peta 4: Lokasi tapak pelancongan sampingan kategori sejarah daerah Kuala Muda




Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global

## Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Pelancongan Sejarah Daerah Kuala Muda

Hasil ekskavasi yang dijalankan sejak tahun 2009 sehingga 2021 membolehkan beberapa nilai keunggulan sejagat (OUV) di Kompleks Arkeologi Sungai Batu ditentukan secara jitu. Nilai keunggulan sejagat ini merupakan nilai kebudayaan atau nilai semula jadi yang istimewa dan lain daripada yang lain yang perlu dipulihara. Terdapat 10 kriteria yang digariskan oleh UNESCO dalam "*Operational guideline for the implementation of the world heritage convention*"[72] bagi melayakkan sesebuah tapak mendapat pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Sifat-Sifat tersebut haruslah superlatif dan luar biasa daripada perspektif nasional atau serantau dan ia mestilah memenuhi salah satu atau lebih kriteria yang telah ditetapkan. Berdasarkan pensyaratan tersebut, maka kajian ilmiah di Kompleks Arkeologi Sungai Batu[73] telah berupaya memenuhi lima daripada 10 kriteria yang telah ditentukan berdasarkan kajian akademik yang telah dijalankan sejak tahun 2009 iaitu:

Ia mewakili karya kearifatan tempatan masyarakat dahulu

1) Mempamerkan pertukaran penting nilai-nilai manusia dalam jangka masa atau dalam kawasan kebudayaan yang wujud di dunia. Ia meliputi perkembangan seni bina atau teknologi monumen, reka bentuk bandar dan landskapnya

2) Mempamer sesuatu yang unik dan merujuk kepada tradisi kebudayaan atau tamadun yang hidup atau yang telah hilang
3) Menjadi contoh yang luar biasa daripada segi bangunan, monumen, seni bina dan teknologi yang menggambarkan peringkat penting dalam sejarah manusia dan
4) Menjadi contoh yang unik tentang masyarakat tradisional, penggunaan tanah-tanih atau kawasan lautan yang mewakili sesebuah budaya atau hubungan dengan alam perekitarannya

Berdasarkan kepada kriteria berkenaan maka Jadual 3 merupakan klasifikasi data nilai keunggulan sejagat bagi tapak peleburan besi, jeti, syahbandar dan ritual yang telah dikaji di Kompleks Arkeologi Sungai Batu. Berdasarkan data berkenaan jelas mendedahkan bukti akademik di kawasan ini sewajarnya dipulihara dan diangkat sebagai tapak warisan dunia UNESCO dan dibangunkan sebagai salah sebuah produk pelancongan yang utama di Malaysia.

Jadual 3: Nilai Keunggulan Sejagat tapak arkeologi Sungai Batu

| NO. | FUNGSI | NILAI *OUV* | LAKARAN TAPAK |
|---|---|---|---|
| 1 | Peleburan Besi | Satu-satunya tamadun awal yang berasaskan ekonomi industri besi sejak 788 Sebelum Masihi<br><br>Kompleks Sungai Batu mendedahkan setor tuyere terbesar dunia<br><br>Berasaskan makna nama panggilan kedah Tua oleh hampir setiap satu negara dunia yang bermaksud kota pelabuhan yang berkaitan bijih hitam "besi" menunjukkan Kedah Tua merupakan sumber besi dunia |  |
| 2 | Jeti Pelabuhan | Satu-satuya rupa bentuk seni bina jeti terlengkap bagi tamadun awal dunia yang dibina sejak 582 Sebelum Masihi<br><br>Struktur jeti yang dibina untuk tujuan pengeksportan jongkong besi Kedah Tua sejak kurun keenam Sebelum Masihi<br><br>Satu-satunya kawasan di dunia yang mendedahkan begitu banyak struktur jeti (11 buah tapak) di dalam persekitaran sebuah sungai |  |
| 3 | Syahbandar | Tamadun awal pertama mendedahkan bukti jelas dan terlengkap tentang seni bina pengurusan pelabuhan sejak 487 Sebelum Masihi<br><br>Penemuan pertama seni bina pengurusan pelabuhan eksport besi dalam tamadun awal dunia<br><br>Sungai Batu sebagai pusat peleburan besi dan pengurusan eksport besi yang terlengkap | |

*Sejarah*: **Journal of History Department, University of Malaya;**
**No. 30 (2) 2021: 168-194; ISSN 1985-0611.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | |   |

Sambungan Jadual 3

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4 | Ritual | Satu-satunya seni bina monumen yang mempunyai tiga elemen seni bina iaitu seni bina bulatan di dasar, segi empat di tengah dan bulatan kecil di atasnya sejak 110 Masihi<br><br>Mendedahkan perkembangan anutan keagamaan yang digunakan secara berterusan daripada kepercayaan animisme hingga Hindu Buddha<br><br>Mewakili perkembangan anutan masyarakat tamadun awal industri besi di Kedah Tua |  |

Sumber: Mohd Hasfarisham Abd Halim dan Mokhtar Saidin, "Keistimewaan dan Keunikan Seni Bina Jeti dan Pelabuhan Kompleks Sungai Batu", Naizatul Akma Mohd Mokhtar dan Mokhtar Saidin, "Nilai Keunggulan Sejagat (OUV) Industri Besi Kompleks Sungai Batu", Ratnah Wati dan Mokhtar Saidin, "Keistimewaan Struktur Seni Bina Pengurusan Pelabuhan Kompleks Sungai Batu", Siti Nurul Siha Mohamed, Zolkurnian Hassan dan Mokhtar Saidin, "Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Ritual Di Kompleks Sungai Batu" dalam. Suresh Narayanan, Nasha Rodziadi Khaw dan Mokhtar Saidin (eds). Seminar Arkeologi Kebangsaan 4, Memperkasa Kearifan Arkeologi Malaysia dan Serantau, Arkeologi Kedah Tua: Sumbangan Data Terkini Dari Perspektif Warisan, Seni & Budaya, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2019.

Selain nilai OUV yang telah ditentukan di Kompleks Arkeologi Sungai Batu, survei dan pemetaan terhadap tapak pelancongan sampingan turut membolehkan nilai OUV tapak berkenaan dikenalpasti berdasarkan lima kriteria yang digariskan dalam kajian ini. Ini kerana bukti penggunaan tanah yang mewakili sesebuah kebudayaan seperti kubu British, bangunan kolonial, jambatan Merdeka, menara jam besar, tapak istana, makam dan kubur bersejarah jelas mendedahkan nilai identiti tinggi kepada bukti penjajahan dan pemerintahan beraja di negeri Kedah secara khasnya. Temuan struktur candi dan bengkel peleburan besi di kawasan Jeniang pula jelas mendedahkan kearifan tempatan masyarakat tradisi dalam soal peleburan dan perdagangan besi. Tapak Masjid lama Pengkalan Kakap dan menara azan Padang Tok Syeikh pula mengungkap contoh luas biasa daripada segi monumen yang dibina oleh masyarakat awal bagi membuktikan kedatangan pengaruh Islam ke Kedah. Berdasarkan kriteria tersebut jelas membuktikan kajian ini boleh mengangkat Kedah sebagai salah sebuah negeri yang mampu

menawarkan pakej pelancongan sejarah yang lengkap di Malaysia daripada zaman Kedah Tua sehingga fasa pemodenan Kedah.

## Pakej Pelancongan Ikonik Daerah Kuala Muda

Berdasarkan survei dan pemetaan yang berupaya merekodkan sebanyak 59 tapak pelancongan warisan tamadun awal dan 24 tapak pelancongan sampingan yang mempunyai nilai OUV telah membolehkan pakej pelancongan identiti Kuala Muda diwujudkan. Berdasarkan fakta berkenaan sebanyak tujuh pakej pelancongan telah disediakan di daerah ini dan Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda (PIPKM) telah dipilih sebagai *"one stop center"* (Plet 1) bagi produk pelancongan daerah kerana ketersediaan infrastruktur di kawasan berkenaan. Ini bermakna pelancong wajib untuk melawat ke kawasan ini terlebih dahulu untuk pendaftaran dan pemilihan pakej pelancongan. Sebelum itu, pelancong akan dibawa mengelilingi PIPKM dan didedahkan dengan tayangan video berdurasi pendek berkaitan pelancongan Kuala Muda dan selepas itu proses pemilihan pakej pelancongan dimulakan.

